

11/12/1999

9 menteri baru, 3 gugur (HL)

Kadir Dikoh; Jamhariah Jaafar; Johny Giles Senin  
PUTRAJAYA, Jumaat - Tujuh muka baru adalah antara sembilan menteri baru yang diumumkan menganggotai Kabinet Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Tiga menteri sebelum ini digugurkan, manakala tiga lagi berpindah portfolio.

Perdana Menteri turut membuat kejutan dengan melantik bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Musa Mohamad, sebagai Menteri Pendidikan yang baru.

Musa akan dilantik sebagai senator bagi membolehkannya memegang jawatan itu.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, manakala Tun Daim Zainuddin masih memegang portfolio Kewangan dan Menteri Tugas-tugas Khas.

Daripada sembilan menteri baru, lima ialah timbalan menteri yang dinaikkan pangkat. Mereka ialah Datuk Nazri Abdul Aziz sebagai Menteri Pembangunan Usahawan; Datuk Hishammuddin Tun Hussein (Belia dan Sukan); Datuk Azmi Khalid (Pembangunan Luar Bandar); Datuk Dr Fong Chan Onn (Sumber Manusia); dan Datuk Ong Ka Ting (Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Seorang lagi muka baru ialah Pengerusi Natseven TV (ntv7), Datuk Effendi Norwawi sebagai Menteri Pertanian. Turut dilantik ialah Ahli Parlimen Jelebu, Datuk Dr Rais Yatim dan Presiden Pertubuhan Pasokmomoگون Kadazandusun Bersatu (Upko), Tan Sri Bernard Dompok - kedua-duanya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Bagaimanapun Dr Rais dan Dompok tidak boleh dianggap muka baru dalam Kabinet. Dr Rais pernah menyertai Kabinet dengan jawatan terakhir sebagai Menteri Luar pada 1987 dan Dompok ialah Menteri di JPM sehingga 1995.

Menteri yang digugurkan dalam senarai Kabinet ialah Datuk Amar Dr Sulaiman Daud (Pertanian); Datuk Dr Ting Chew Peh (Perumahan dan Kerajaan Tempatan); dan Datin Paduka Zaleha Ismail (Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat).

Kabinet Dr Mahathir kali ini juga tidak mempunyai seorang pun wakil dari Terengganu dan Kelantan, yang kini dikuasai Pas. Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, yang diramalkan dilantik sebagai menteri, tiada dalam senarai itu.

Beberapa menteri pula berpindah portfolio iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak yang kembali ke Kementerian Pertahanan; Tan Sri Muhyiddin Yassin berpindah ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman ke Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat.

Dr Mahathir mengekalkan Datuk Seri Rafidah Aziz di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Datuk Seri Syed Hamid Albar di Kementerian Luar.

Turut kekal di portfolio lama mereka ialah pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) iaitu Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik (Pengangkutan); Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu (Menteri Kerja Raya); dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik (Perusahaan Utama).

Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, yang tewas bagi kerusi Parlimen Sik akan dilantik sebagai senator bagi membolehkannya menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Perdana Menteri juga melantik ramai muka baru sebagai timbalan menteri,

antaranya ialah Tengku Azlan Sultan Abu Bakar; Khaled Nordin; Datuk Anifah Aman; Datuk Zainal Dahlan; Datuk Tan Kee Kwong; Dr Ng Yen Yen; dan Dr Tiki anak Lafe.

Bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib dilantik sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan, manakala bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Abu Zahar Isnin sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Shariff Omar mengambil alih jawatan Timbalan Menteri Pertanian.

Kementerian Pendidikan pula menyaksikan pasukan baru keseluruhannya dengan pelantikan Senator Datuk Aziz Shamsuddin sebagai Timbalan Menteri dan Datuk Dr Mahadzir Mohd Khir sebagai Setiausaha Parlimen, bagi membantu Musa.

Datuk Ong Tee Keat, yang dahulunya Timbalan Speaker Dewan Rakyat, dilantik sebagai Timbalan Menteri Belia dan Sukan, manakala Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk G Palanivel, dilantik Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Datuk Shahrizat Abdul Jalil, yang dulunya Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Turut dinaikkan pangkat ialah Datuk Dr Shafie Salleh, daripada Setiausaha Parlimen ke Timbalan Menteri di Kementerian Kewangan.

Datuk Chor Chee Heung pula dinaikkan pangkat daripada Setiausaha Parlimen di Kementerian Pengangkutan menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Seorang lagi Timbalan Menteri Dalam Negeri ialah Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Zainal Abidin Zin.

Kabinet baru itu mempunyai 28 menteri (tidak termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri), 27 timbalan menteri dan 15 setiausaha Parlimen. Daripada jumlah itu, 41 diagihkan kepada Umno, MCA (11), MIC (lima), Gerakan (empat), SUPP (tiga), PBB (tiga) dan masing-masing satu untuk Akar, UPKO, SNAP dan PBDS.

Dengan pelantikan Dompok, Sabah seperti juga Sarawak, kini mempunyai tiga wakil dalam Kabinet. Yang lain ialah Tan Sri Kasitah Gaddam (Tanah dan Pembangunan Koperasi) dan Datuk Pandikar Amin Mulia (Jabatan Perdana Menteri).

Menteri dari Sarawak pula, selain Effendi, ialah Datuk Amar Leo Moggie (Tenaga, Komunikasi dan Multimedia) dan Datuk Law Hieng Ding (Sains, Teknologi dan Alam Sekitar).

Pelantikan Azmi pula bermakna Perlis buat pertama kali mempunyai seorang menteri Kabinet.

Istiadat pengurniaan surat cara pelantikan serta mengangkat sumpah jawatan, taat setia dan sumpah menyimpan rahsia oleh anggota Kabinet serta timbalan menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong, dijadualkan di Istana Negara, Selasa ini.

Setiausaha-setiausaha Parlimen pula dijadualkan mengangkat sumpah jawatan dan memegang rahsia di hadapan Perdana Menteri pada Rabu depan, manakala Dr Hamid dan Musa akan mengangkat sumpah jawatan sebagai Ahli Dewan Negara pada Isnin ini.

Dr Mahathir menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara pagi ini bagi mengemukakan cadangan pelantikan itu untuk perkenan.

(END)